

**Kemenangan BN Bukti Keyakinan Rakyat Terhadap Kepimpinan Najib -  
Pesuruhjaya Tinggi Pakistan  
Bernama  
8 Mei, 2013**

PELABUHAN KLANG, 8 Mei (Bernama) -- Kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13) menunjukkan rakyat Malaysia yakin terhadap kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, kata Pesuruhjaya Tinggi Pakistan ke Malaysia Shahid Masroor Gul Kiani.

"Pendapat saya tentang pilihan raya umum di negara anda ialah kemenangan BN yang diterajui Perdana Menteri Najib mencerminkan keyakinan rakyat Malaysia terhadap kepimpinan dan pencapaian beliau dalam tempoh empat atau lima tahun lepas," katanya.

Ketika ditemui pada satu majlis Selasa malam di atas Kapal Tentera Laut Pakistan, PNS Saif, yang berlabuh di sini mulai Isnin dalam rangka kunjungan muhibah empat harinya ke negara ini, Shahid mengucapkan selamat maju jaya kepada Najib, yang menduduki kerusi perdana menteri bagi penggal kedua.

"Dan saya berharap pemimpin dari Pakistan dan Malaysia akan mengeratkan lagi hubungan baik sedia ada," kata pesuruhjaya tinggi yang baru dilantik itu.

PNS Saif, kapal frigat pelbagai tugas yang mampu beroperasi secara bersendirian atau menjadi sebahagian daripada pasukan petugas dalam pelbagai persekitaran, ditauliahkan pada 15 Sept 2010 di Shanghai, China serta dilengkapi senjata tercanggih seperti Misil Permukaan ke Udara dan Misil Permukaan ke Permukaan. Kapal ini dibuka untuk lawatan orang ramai hari ini.

Pegawai memerintah kapal berkenaan Kapt Jawad Ahmed, berkata kunjungan PNS Saif ke Asia Tenggara bertujuan mengajak komuniti maritim menuju ke arah matlamat bersama untuk mewujudkan keamanan dan kestabilan di laut dan lawatan itu bukan sahaja membantu menyerlahkan kepentingan bersama maritim, tetapi juga menyumbang ke arah peningkatan persefahaman mengenai pendapat satu sama lain.

Katanya tentera laut Pakistan mempunyai hubungan erat dan bersaudara dengan Tentera Laut Diraja Malaysia dalam bidang profesional dan beliau berharap lawatan itu akan membuka laluan baharu bagi kerjasama dua hala antara kedua-dua pihak untuk mengeratkan lagi hubungan sedia ada.

Pada sesi soal jawab dengan pemberita, beliau berkata tentera laut Pakistan menerajui rantau ini dalam operasi membanteras keganasan dan pelanunan.

Tentera laut Pakistan menjadi sebahagian daripada dua pakatan maritim antarabangsa dalam bidang kepentingannya - pakatan pertama terdiri daripada TF-150, yang berfungsi di bawah US NAVCENT di Bahrain, yang menjalankan Operasi Keselamatan Maritim dan Menentang Keganasan di Teluk Oman dan Utara Laut Arab sejak September 2011.

Tentera laut Pakistan juga menganggotai Gabungan Maritim Antarabangsa TF-151 yang ditubuhkan pada Januari 2009, juga di bawah US NAVCENT, untuk membanteras kegiatan lanun di Teluk Aden dan di luar pantai Somalia.

"Penyertaan tentera laut Pakistan dalam pakatan ini meningkatkan prestijnya dan

melengkapi keseluruhan usaha Pakistan bersama masyarakat antarabangsa untuk membendung keganasan dan kegiatan haram lain di rantau ini," katanya.

Sebelum berlabuh di Pelabuhan Klang, PNS Saif singgah di Tanjung Priok, Indonesia. Selepas ini, ia akan belayar ke Sri Lanka sebelum kembali ke Pakistan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=948402>